



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- Pengurusan Aktiviti Audit Cukai Syarikat

**KEMENTERIAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
PENGURUSAN AKTIVITI AUDIT CUKAI SYARIKAT**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Pengauditan ini melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) iaitu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan (MoF) yang bertanggungjawab memungut cukai langsung seperti cukai pendapatan syarikat dan bukan syarikat, cukai keuntungan harta tanah, cukai pendapatan petroleum dan duti setem.
- Audit cukai merupakan aktiviti utama LHDNM di bawah tanggungjawab Jabatan Pematuhan Cukai (JPC). Audit cukai bertujuan bagi meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS). Antara akta yang digunakan adalah Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti audit cukai syarikat berdasarkan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC), Sistem Penilaian Risiko dan *Case Management System* (CMS) bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.
- Prestasi aktiviti audit cukai syarikat dinilai berdasarkan dua bidang utama audit iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome). Pencapaian output dinilai berdasarkan kecekapan LHDNM melaksanakan audit cukai syarikat seperti pencapaian KPI, penyelesaian kes audit cukai syarikat dan kes tertunggak. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan keberkesanan LHDNM melaksanakan aktiviti audit cukai syarikat seperti cukai tambahan, penalti dan kes tiada penemuan audit bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.
- Perkara yang dinilai di bawah pengurusan aktiviti audit cukai syarikat pula ialah pemilihan kes audit cukai syarikat dan sistem audit cukai syarikat.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Audit cukai syarikat merupakan kawalan dalaman penting untuk memeriksa rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan dan cukai dilaporkan, dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.
- Objektif audit cukai ialah meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah STS.
- Kutipan LHDNM melalui cukai langsung telah menyumbang sejumlah RM380.781 bilion (53.1%) bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak RM717.704 bilion.
- Sebanyak 570,116 kes audit cukai syarikat telah diselesaikan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM16.353 bilion dan bilangan kes tiada penemuan audit sebanyak 356,382 kes.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan pengauditan aktiviti audit cukai syarikat adalah memuaskan dari aspek pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Korporat dan KPI Cawangan. Selain itu aktiviti audit cukai syarikat juga berjaya menghasilkan cukai tambahan dan penalti yang boleh dikutip hasil dari aktiviti audit yang dilaksanakan. Namun demikian, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Perbezaan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Cawangan LHDNM berbanding analisis data oleh JAN bagi Audit Luar dan Audit Meja iaitu masing-masing kurang sebanyak 57 kes dan 68 kes.
 - Terdapat 8,406 Kes Belum Mula (KBM) dan 54,076 Kes Dalam Kemajuan (KDK) Audit Luar dan Audit Meja bagi tempoh sebelum tahun 2017 hingga 2019.
 - Tempoh penyelesaian kes Audit Luar adalah antara empat bulan hingga 85 bulan dan melibatkan cukai tambahan dan penalti masing-masing RM2.693 bilion dan RM1.095 bilion.
 - Sebanyak 111,649 kes Audit Meja diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara 105 hari hingga 3,804

hari dan melibatkan cukai tambahan dan penalti masing-masing RM3.232 bilion dan RM1.343 bilion.

- Tunggakan kes Audit Luar ialah 5,643 kes (8.3%) berbanding kes yang dipilih iaitu 68,048 bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Manakala bagi tempoh yang sama, tunggakan kes Audit Meja ialah 56,079 kes (9.9%) berbanding kes dipilih 563,790 kes.
- Sebanyak 86,975 Borang C tidak disalurkan ke Sistem Penilaian Risiko untuk dibuat penilaian risiko sebelum disalurkan ke CMS.
- Sebanyak 1,495 syarikat yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi berdasarkan *ranking* dan *score* yang telah ditetapkan dalam Sistem Penilaian Risiko tidak disalurkan ke CMS untuk diaudit.
- Terdapat ketidakpatuhan dalam pengurusan kata laluan di mana penetapan kata laluan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan dalam Dasar Keselamatan ICT (DKICT).
- Penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem tidak dijalankan bagi tiga sistem iaitu STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:
 - LHDNM hendaklah mengambil tindakan segera menyelesaikan kes tertunggak yang terdapat di Cawangan serta sentiasa memantau kes yang disalurkan ke Cawangan supaya tidak berlaku tunggakan kes yang berpanjangan.
 - LHDNM juga perlu mengkaji Prosedur Kerja/Standard Kualiti Audit serta mewujudkan satu mekanisme untuk mengatasi kes tertunggak supaya setiap kes dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah.
 - MoF perlu mengkaji dasar dan peruntukan undang-undang berkaitan perkongsian maklumat pembayar cukai di antara LHDNM dengan pihak ketiga bagi membantu mempercepatkan penyelesaian kes audit cukai syarikat.

- LHDNM perlu memastikan aspek kawalan dalaman terhadap pengurusan kata laluan dan kawalan pengurusan rangkaian dilaksanakan kepada semua aplikasi dalam inisiatif TH di bawah Projek HITS seperti yang ditetapkan dalam DKICT.

KEMENTERIAN KEWANGAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. PENGURUSAN AKTIVITI AUDIT CUKAI SYARIKAT

FAKTA UTAMA

570,116 Bilangan kes diselesaikan Tahun 2017 hingga 2019	RM16.353 Bilion Cukai tambahan dan penalti	356,382 Kes Tiada Penemuan Audit Tahun 2017 hingga 2019
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	Agensi utama di bawah Kementerian Kewangan (MoF) yang bertanggungjawab memungut cukai langsung seperti cukai pendapatan syarikat dan bukan syarikat, cukai keuntungan harta tanah, cukai pendapatan petroleum dan duti setem	
Objektif Audit Cukai Syarikat	Meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS)	
Jenis Audit Cukai Syarikat	Audit Meja – pengauditan dijalankan di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang melibatkan semakan/pemeriksaan ke atas semua maklumat yang dibuat oleh pembayar cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Audit Luar – pengauditan dijalankan sama ada di premis pembayar cukai, pejabat LHDNM atau mana-mana tempat yang dipersetujui oleh pembayar cukai dan LHDNM. Perkara ini adalah bagi menentukan sama ada BNCP yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah sah dan tepat serta disokong dengan dokumen sumber dan rekod	
Sistem Berkaitan Audit Cukai Syarikat	- Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) – maklumat dan lejar pembayar cukai jenis syarikat (C) - Sistem Penilaian Risiko – pemilihan kes Audit Luar berdasarkan risiko pematuhan cukai yang tinggi <i>Case Management System</i> (CMS) – kertas kerja dan pemantauan kes audit cukai	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan (MoF) yang bertanggungjawab memungut cukai langsung seperti cukai pendapatan syarikat dan bukan syarikat, cukai keuntungan harta tanah, cukai petroleum dan duti setem. Kutipan LHDNM melalui cukai langsung telah menyumbang sejumlah RM380.781 bilion (53.1%) bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 daripada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan sejumlah RM717.704 bilion.

1.2. LHDNM melaksanakan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) bermula pada tahun taksiran 2001 bagi pembayar cukai kategori syarikat (C). STSC merupakan satu kaedah pembayar cukai kategori syarikat (C) diberi tanggungjawab untuk mengurus sendiri cukai pendapatan mereka. Tanggungjawab tersebut adalah seperti membayar cukai mengikut skim ansuran cukai, mengisi dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), membayar baki cukai atau menuntut balik lebihan bayaran cukai serta menyimpan rekod untuk semakan LHDNM.

1.3. Audit cukai merupakan aktiviti utama LHDNM di bawah tanggungjawab Jabatan Pematuhan Cukai (JPC), LHDNM. Objektif audit cukai adalah bagi meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS).

1.4. Audit cukai ialah semakan/pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai. Hal ini adalah bagi memastikan pendapatan dan cukai dilaporkan, dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Sehubungan dengan itu, LHDNM menjalankan dua jenis pengauditan melalui kaedah berikut:

- a. **Audit Meja** - Pengauditan dijalankan di pejabat LHDNM yang melibatkan semakan/pemeriksaan ke atas semua maklumat yang berkaitan percukaian yang terdapat dalam BNCP. Maklumat tersebut adalah seperti pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam BNCP. Pembayar cukai boleh dipanggil ke pejabat LHDNM untuk ditemuduga sekiranya maklumat lanjut diperlukan.
- b. **Audit Luar** - Pengauditan dijalankan sama ada di premis pembayar cukai, pejabat LHDNM atau mana-mana tempat yang dipersetujui oleh pembayar cukai dan LHDNM. Perkara ini bertujuan untuk menentukan sama ada BNCP yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah sah dan tepat serta disokong dengan dokumen sumber dan rekod. Audit Luar melibatkan pemeriksaan dan pengesahan maklumat berisiko kepada pengiraan cukai yang dilaporkan.

1.5. LHDNM juga menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Korporat bagi audit cukai berdasarkan bilangan kes yang selesai diaudit. Kes audit cukai merujuk kepada bilangan tahun taksiran yang diaudit. Satu syarikat boleh merangkumi pelbagai tahun taksiran (kes) diaudit.

1.6. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, LHDNM telah menjalankan Audit Luar dan Audit Meja syarikat (C) melalui 40 Cawangan dan telah menyelesaikan pemeriksaan terhadap 340,406 syarikat dan 570,116 kes. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN SYARIKAT AKTIF DAN BILANGAN SYARIKAT SELESAI DIAUDIT
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. SYARIKAT AKTIF (a)	BIL. SYARIKAT SELESAI DIAUDIT			BIL. KES SELESAI DIAUDIT		
		AUDIT LUAR (b)	AUDIT MEJA (c)	JUMLAH (d)=(b)+(c)	AUDIT LUAR (e)	AUDIT MEJA (f)	JUMLAH (g)=(e)+(f)
2017	780,990	5,485	96,975	102,460	14,979	160,909	175,888
2018	804,049	5,189	101,705	106,894	11,832	156,614	168,446
2019	838,245	11,284	119,768	131,052	35,594	190,188	225,782
JUMLAH		21,958	318,448	340,406	62,405	507,711	570,116

Sumber: Jabatan Operasi Cukai LHDNM dan Analisis Data oleh Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti audit cukai bagi pembayar cukai jenis syarikat (C) telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh LHDNM. Objektif tersebut ialah meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah STS.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti audit cukai syarikat bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Prestasi aktiviti audit cukai syarikat dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome). Pencapaian output dinilai berdasarkan kecekapan LHDNM melaksanakan audit cukai syarikat seperti pencapaian KPI, penyelesaian kes audit cukai syarikat dan kes tertunggak. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan keberkesanan LHDNM melaksanakan aktiviti audit cukai syarikat seperti cukai tambahan, penalti dan kes tiada penemuan audit bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Perkara yang dinilai di bawah pengurusan aktiviti audit cukai syarikat pula ialah pemilihan kes audit cukai syarikat dan sistem berkaitan audit cukai syarikat.

3.2. Pengauditan ini melibatkan Ibu Pejabat LHDNM, Cyberjaya dan semua Cawangan LHDNM di seluruh negara melalui analisis keseluruhan data berkaitan audit cukai syarikat. Pengauditan tidak dijalankan secara fizikal di Cawangan LHDNM selain Ibu Pejabat kerana kekangan untuk menjalankan pengauditan dan verifikasi sampel di Cawangan akibat pandemik Covid-19.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menganalisis data, menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti audit cukai sama ada secara manual atau elektronik. Selain itu, semakan turut dijalankan terhadap sistem berkaitan audit cukai syarikat yang digunakan oleh LHDNM iaitu:

- a. STSC – maklumat dan lejar pembayar cukai jenis syarikat (C);
- b. Sistem Penilaian Risiko – pemilihan kes Audit Luar berdasarkan risiko pematuhan cukai yang tinggi; dan
- c. *Case Management System* (CMS) – kertas kerja dan pemantauan kes audit cukai.

4.2. Analisis keseluruhan data daripada STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS telah dilaksanakan. Jenis dokumen dan metodologi pengauditan yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
DOKUMEN DISEMAK DAN DIANALISIS SERTA METODOLOGI DIGUNAKAN
BAGI SAMPEL AUDIT TAHUN 2017 HINGGA 2019

BIL.	DOKUMEN	BIL. FAIL/DATA	SAMPEL AUDIT		SUMBER DATA	METODOLOGI
			BIL.	%		
1.	Borang Nyata Cukai Pendapatan Syarikat (Borang C)	2,309,870	1,282,015	55.5	STSC	Analisis data melalui ACL
2.	Sampel Audit Cukai Syarikat LHDNM	7,276,008	1,195,040	16.4	Sistem Penilaian Risiko	Analisis data melalui ACL
3.	Kertas Kerja Audit Cukai Syarikat	632,598	632,598	100	CMS	Analisis data melalui ACL dan <i>Excel</i>

Sumber: Analisis Data LHDNM

Nota: ACL - *Audit Command Language*

4.3. Selain itu, pihak Audit turut menyemak dokumen, sistem *walkthrough* dan mengadakan temu bual serta perbincangan dengan pegawai terlibat.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Oktober 2019 hingga Disember 2020. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada LHDNM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 2 April 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. KPI Korporat

- a. KPI Korporat ditetapkan setiap tahun sebagai panduan untuk kakitangan dan Cawangan bagi mencapai misi LHDNM. Penetapan KPI Korporat mengambil kira norma kerja dan bilangan pegawai yang terdapat di Cawangan LHDNM seluruh Malaysia sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah LHDNM.
- b. Aktiviti audit cukai merupakan salah satu daripada KPI Korporat LHDNM yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah LHDNM setiap tahun. Pemakluman terhadap KPI Korporat ini akan dikeluarkan kepada Pengarah Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan melalui memo yang ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) pada awal tahun bagi setiap tahun berkenaan.

- c. Merujuk kepada Laporan Pencapaian Prestasi KPI Audit Fail Syarikat bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 yang disediakan oleh JPC, didapati pencapaian KPI Korporat telah berjaya mencapai sasaran bilangan kes seperti yang ditetapkan iaitu di antara 126.3% hingga 161.8%. Peningkatan pencapaian yang ketara pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018 adalah disebabkan oleh pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) mulai bulan November 2018 hingga September 2019. Program ini dilaksanakan bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan penuh dan membayar cukai dalam tempoh yang sepatutnya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN KPI KES AUDIT CUKAI SYARIKAT BERDASARKAN KPI KORPORAT
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	SASARAN PENYELESAIAN KES KPI KORPORAT	JUMLAH PENYELESAIAN KES AUDIT CUKAI SYARIKAT	PENCAPAIAN BERBANDING SASARAN (%)
2017	129,893	178,452	137.4
2018	135,554	171,198	126.3
2019	142,229	230,144	161.8

Sumber: KPI Korporat dan Laporan Pencapaian Prestasi KPI Audit Fail Syarikat LHDNM

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 13 April 2021

Penurunan peratus pencapaian kes audit cukai tahun 2018 (126.3%) berbanding tahun 2017 (137.4%) adalah disebabkan oleh penjajaran semula aktiviti pengoperasian, penguatkuasaan, pemungutan, undang-undang, rayuan dan *profiling* di bawah akta yang diguna pakai oleh LHDNM. Penjajaran semula ini disebabkan oleh perkembangan pada masa tersebut yang dikeluarkan melalui Arahan Operasi (Khas) Bil. 1 Tahun 2018 bertarikh 8 Jun 2018.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 30 November 2021

Peningkatan peratus pencapaian kes audit cukai tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah disebabkan oleh tindakan pengauditan untuk tahun 2019 adalah lebih menyeluruh iaitu penumpuan yang lebih diberikan kepada setiap pembayar cukai. Hal ini menyebabkan liputan audit bagi setiap pembayar cukai dibuat melebihi daripada satu tahun taksiran.

5.1.1.2. KPI Cawangan

- a. KPI Cawangan diluluskan oleh JPC, Ibu Pejabat seperti yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja Audit Luar 2015 (MPKAL 2015) dan Manual Prosedur Kerja Audit Meja 2015 (MPKAM 2015). Penetapan KPI Cawangan bagi aktiviti audit cukai syarikat disediakan oleh JPC berdasarkan kepada norma kerja yang ditetapkan dan bilangan pegawai audit di setiap Cawangan melibatkan 40 Cawangan LHDNM seluruh negara.
- b. Semakan Audit mendapati, penetapan sasaran KPI Cawangan bagi tahun 2017 telah diluluskan pada bulan Disember 2016, sasaran KPI bagi tahun 2018 telah diluluskan pada bulan Januari 2018 manakala sasaran KPI bagi tahun 2019 telah diluluskan pada bulan Disember 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SASARAN KPI CAWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN KPI	TARIKH KELULUSAN	BILANGAN KPI DILULUS (Kes)		JUMLAH KPI DILULUS (Kes)
		AUDIT LUAR	AUDIT MEJA	
2017	30.12.2016	10,372	134,433	144,805
2018	12.01.2018	9,462	124,341	133,803
2019	12.12.2018	13,498	116,530	130,028
JUMLAH		33,332	375,304	408,636

Sumber: Memo KPI Cawangan

- c. Semakan lanjut Audit terhadap sasaran KPI Cawangan mendapati, JPC juga meminda dan meluluskan sasaran KPI kes audit cukai LHDNM bagi sepanjang tempoh tahun 2017 hingga 2019. Kelulusan pindaan KPI Cawangan ini hanya diberi kepada Cawangan tertentu yang memohon berdasarkan kepada norma kerja dan bilangan pegawai audit di cawangan tersebut.
- d. Perbandingan Audit terhadap KPI Korporat LHDNM yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah LHDNM dengan KPI Cawangan yang diluluskan oleh JPC pada awal tahun mendapati KPI Cawangan pada tahun 2017 melebihi 14,912 kes. Bagi tahun 2018 dan 2019, KPI Cawangan adalah kurang daripada sasaran KPI Korporat LHDNM masing-masing 1,751 kes dan 12,201 kes.
- e. Bagaimanapun, selepas pindaan dibuat KPI Cawangan bagi tahun 2017 dan 2019 telah meningkat 5,224 kes dan 26,615 kes berbanding dengan KPI Korporat LHDNM. Manakala pada tahun 2018 pindaan KPI Cawangan telah menyebabkan penurunan 5,665 kes berbanding KPI Korporat LHDNM. Peningkatan dan penurunan ini disebabkan oleh perubahan kepada bilangan pegawai audit sepanjang tahun kerana faktor persaraan, pertukaran dan kenaikan pangkat pegawai. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERBANDINGAN KPI KORPORAT LHDNM DENGAN KPI CAWANGAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	KPI KORPORAT LHDNM (a)	KPI CAWANGAN SEBELUM PINDAAN (b)	PERBEZAAN SEBELUM PINDAAN (c)=(b)-(a)	KPI CAWANGAN SELEPAS PINDAAN (d)	PERBEZAAN SELEPAS PINDAAN (e)=(d)-(a)
2017	129,893	144,805	14,912	135,117	5,224
2018	135,554	133,803	(1,751)	129,889	(5,665)
2019	142,229	130,028	(12,201)	168,844	26,615

Sumber: KPI Korporat, Memo Sasaran KPI dan Sasaran KPI Laporan Pencapaian Prestasi KPI Audit Fail Syarikat

- f. Analisis Audit terhadap data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara dengan sasaran awal KPI yang telah ditetapkan LHDNM mendapati sasaran KPI Cawangan bagi kes Audit Luar LHDNM bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 telah mencapai sasaran iaitu 187.2% manakala bilangan kes Audit Meja juga telah mencapai sasaran iaitu 135.3%. Semakan lanjut Audit mendapati, pada tahun 2017 pencapaian kes selesai Audit Luar ialah 144.4%. Bagaimanapun, pencapaian kes selesai Audit Luar bagi tahun 2018 telah berkurangan kepada 125.1% berbanding dengan tahun 2017. Bagi tahun 2019, kes selesai Audit Luar ialah 263.7% meningkat dengan ketara berbanding tahun 2018. Hal ini adalah kerana tindakan pengauditan dilaksanakan lebih menyeluruh kepada setiap pembayar cukai dan liputan audit dibuat melebihi daripada satu tahun taksiran.
- g. Semakan Audit juga mendapati, pencapaian tahun sebelum tidak diambil kira sebagai penanda aras bagi penetapan KPI tahun semasa walaupun pencapaian tahun 2019 meningkat 138.6% bagi Audit Luar dan 37.2% bagi Audit Meja berbanding tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENCAPAIAN KPI CAWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	AUDIT LUAR				AUDIT MEJA			
	KPI (a)	*KES SELESAI (b)	PERBEZAAN KES SELESAI BERBANDING KPI (c)=(b)-(a)	% PENCAPAIAN BERBANDING KPI $[(b)/(a)] \times 100$	KPI (a)	*KES SELESAI (b)	PERBEZAAN KES SELESAI BERBANDING KPI (c)=(b)-(a)	% PENCAPAIAN BERBANDING KPI $[(b)/(a)] \times 100$
2017	10,372	14,979	4,607	144.4	134,433	160,909	26,476	119.7
2018	9,462	11,832	2,370	125.1	124,341	156,614	32,273	126.0
2019	13,498	35,594	22,096	263.7	116,530	190,188	73,658	163.2
JUMLAH	33,332	62,405	29,073	187.2	375,304	507,711	132,407	135.3

Sumber: Sasaran Awal KPI Cawangan LHDNM dan Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Hasil Analisis oleh Jabatan Audit Negara

- h. Semakan Audit selanjutnya mendapati LHDNM ada menyediakan Laporan Pencapaian Prestasi KPI Audit Fail Syarikat untuk dilaporkan kepada pengurusan tertinggi LHDNM. Perbandingan analisis terhadap Laporan Pencapaian Prestasi KPI Audit Fail Syarikat dengan data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara mendapati pencapaian KPI Cawangan kes Audit Luar bagi **tempoh tahun 2017 hingga 2019 adalah berbeza. Perbezaan terhadap kes selesai bagi Audit Luar dan Audit Meja masing-masing adalah kurang iaitu 57 kes dan 68 kes.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERBEZAAN PENCAPAIAN KPI CAWANGAN BERDASARKAN
ANALISIS DATA CMS BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. KES SELESAI AUDIT LUAR			BIL. KES SELESAI AUDIT MEJA		
	*LHDNM (a)	JABATAN AUDIT NEGARA (b)	PERBEZAAN (c)=(b)-(a)	*LHDNM (a)	JABATAN AUDIT NEGARA (b)	PERBEZAAN (c)=(b)-(a)
2017	15,001	14,979	(22)	160,924	160,909	(15)
2018	11,851	11,832	(19)	156,623	156,614	(9)
2019	35,610	35,594	(16)	190,232	190,188	(44)
JUMLAH	62,462	62,405	(57)	507,779	507,711	(68)

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Laporan Pencapaian Prestasi KPI Audit Fail Syarikat

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 11 Februari 2021

Pindaan KPI dibuat bukan untuk menjustifikasi pencapaian tetapi bagi menyelaraskan bilangan pegawai sebenar di Cawangan. Hal ini adalah kerana KPI Cawangan khusus untuk kegunaan dalaman dan bertujuan untuk pemantauan dan penilaian Cawangan berdasarkan bilangan pegawai sedia ada. Selain itu, pindaan KPI hanya akan diluluskan apabila Cawangan tersebut telah mencapai pencapaian semasa sehingga tarikh permohonan dibuat. Semakan terhadap KPI Cawangan tidak dibuat pada pertengahan tahun bagi memastikan momentum kerja dan prestasi pegawai audit berada di paras kerja yang tinggi (produktiviti tidak terjejas).

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 23 Mac 2021

Tindakan pengauditan untuk tahun 2019 adalah lebih menyeluruh dengan penumpuan yang lebih diberikan kepada setiap pembayar cukai. Hal ini menyebabkan liputan audit bagi setiap pembayar cukai dibuat melebihi daripada satu tahun taksiran. Perkara ini dibuktikan dengan wujudnya peningkatan pencapaian KPI kes iaitu 190,188 kes (163.2%) pada tahun 2019 berbanding 156,614 kes (126.0%) tahun 2018.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 30 November 2021

KPI Korporat LHDNM merupakan penanda aras kepada penetapan KPI Cawangan. Komponen utama bagi pengiraan KPI Cawangan adalah norma kerja dan bilangan pegawai. Kedua-dua faktor ini akan menentukan KPI Cawangan yang ditetapkan terutamanya faktor bilangan pegawai audit. Perubahan bilangan pegawai audit akan menyebabkan KPI Cawangan berubah dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak akan melibatkan perubahan kepada KPI Korporat LHDNM yang ditetapkan untuk suatu tahun.

LHDNM telah membuat penambahbaikan kepada kaedah penetapan KPI iaitu mulai tahun 2021, penetapan KPI Korporat dan KPI Cawangan adalah berasaskan kepada bilangan pembayar cukai aktif dan pembayar cukai tidak aktif. Kaedah penetapan KPI ini bertujuan untuk mengurangkan kekerapan pindaan KPI Cawangan dan juga bagi memastikan objektif audit cukai iaitu memberikan kesedaran cukai dan pendidikan cukai kepada pembayar cukai bagi meningkatkan pematuhan secara sukarela.

Penurunan pencapaian kes selesai audit luar tahun 2018 (125.1%) berbanding tahun 2017 (144.4%) adalah disebabkan oleh penjajaran semula aktiviti pengoperasian, penguatkuasaan, pemungutan, undang-undang, rayuan dan profiling di bawah akta yang diguna pakai oleh LHDNM. Penjajaran semula ini disebabkan oleh perkembangan pada masa tersebut yang dikeluarkan melalui Arahan Operasi (Khas) Bilangan 1 Tahun 2018 bertarikh 8 Jun 2018.

Peningkatan pencapaian kes audit luar yang ketara pada tahun 2019 (263.7%) berbanding tahun 2018 (125.1%) adalah disebabkan oleh pelaksanaan PKPS mulai bulan November 2018 hingga September 2019. Selain itu, peningkatan pencapaian adalah disebabkan oleh tindakan pengauditan untuk tahun 2019 adalah lebih menyeluruh dengan penumpuan yang lebih diberikan kepada setiap pembayar cukai.

Perbezaan bilangan kes selesai Audit Luar dan Audit Meja antara maklumat yang dikemukakan oleh LHDNM dan data analisis oleh Jabatan Audit Negara adalah disebabkan oleh tarikh petikan data CMS yang dibuat oleh LHDNM dan Jabatan Audit Negara. Hal ini adalah kerana data dalam CMS merupakan *live data* dan akan berubah pada tarikh petikan data yang berbeza.

Pendapat Audit | **Prestasi aktiviti audit cukai syarikat adalah cekap kerana KPI Korporat dan KPI Cawangan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.**

5.1.1.3. Penyelesaian Kes Audit Cukai Syarikat

a. Kes Belum Mula dan Kes Dalam Kemajuan

- i. Kes Belum Mula (KBM) adalah kes yang telah diagihkan kepada pegawai audit tetapi masih belum diaudit manakala Kes Dalam Kemajuan (KDK) adalah kes yang sedang diaudit. Berdasarkan Standard Kualiti Audit Luar LHDNM, kes Audit Luar perlu diselesaikan dalam tempoh empat bulan dari tarikh permulaan lawatan audit. Bagaimanapun, Standard Kualiti Audit Meja LHDNM menyatakan kes Audit Meja perlu diselesaikan dalam tempoh 104 hari dari tarikh agihan kes.
- ii. Analisis Audit terhadap data CMS Audit Luar dan Audit Meja bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati, **8,406 KBM dan 54,076 KDK masih dalam tindakan**. Analisis Audit selanjutnya mendapati, KBM dan KDK Audit Luar adalah masing-masing 309 kes dan 5,350 kes manakala bagi Audit Meja pula masing-masing 8,097 kes dan 48,726 kes. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KES BELUM MULA DAN KES DALAM KEMAJUAN
BAGI TEMPOH TAHUN SEBELUM 2017 HINGGA 2019

JENIS AUDIT	BIL. KES BELUM MULA		BIL. KES DALAM KEMAJUAN	
	AUDIT LUAR	AUDIT MEJA	AUDIT LUAR	AUDIT MEJA
Sebelum 2017	2	91	14	653
2017	0	153	62	684
2018	27	866	980	4,978
2019	280	6,987	4,294	42,411
JUMLAH	309	8,097	5,350	48,726
JUMLAH KESELURUHAN	8,406		54,076	

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit selanjutnya juga mendapati, usia KBM dan KDK bagi Audit Luar dan Audit Meja adalah di antara enam bulan hingga melebihi enam tahun. Selain itu, satu KBM Audit Luar yang diterima sejak tahun 2012 telah melebihi enam tahun, satu KBM berusia tiga hingga enam tahun dan 139 KBM berusia satu hingga tiga tahun masih belum diaudit.
- iv. Bagi KDK pula terdapat tiga KDK Audit Luar yang diterima sejak tahun 2010, 2013 dan 2014 telah melebihi enam tahun, 37 KDK berusia tiga hingga enam tahun dan 4,047 KDK berusia satu hingga tiga tahun masih dalam tindakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
USIA KES BELUM MULA DAN KES DALAM KEMAJUAN AUDIT LUAR
BAGI TEMPOH SEBELUM TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN TERIMA KES	USIA KES AUDIT LUAR									
	BIL. KBM					BIL. KDK				
	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	>6 Tahun	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	>6 Tahun
2010	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
2012	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-
2013	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
2014	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
2015	-	-	-	-	-	-	-	-	5	-
2016	-	-	-	1	-	-	-	-	6	-
2017	-	-	-	-	-	-	-	36	26	-
2018	-	-	27	-	-	-	-	980	-	-
2019	15	153	112	-	-	316	947	3,031	-	-
JUMLAH	15	153	139	1	1	316	947	4,047	37	3

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

- v. Selain itu bagi Audit Meja, semakan Audit mendapati 11 KBM yang diterima sejak tahun 2009 hingga 2014 telah melebihi enam tahun, 233 KBM berusia tiga hingga enam tahun dan 5,809 KBM berusia satu hingga tiga tahun masih belum diaudit.
- vi. Bagi KDK Audit Meja pula terdapat sebanyak 87 KDK yang diterima sejak tahun 2008 hingga 2014 telah melebihi enam tahun, 969 KDK berusia tiga hingga enam tahun dan 44,418 KDK berusia satu hingga tiga tahun masih dalam tindakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
USIA KES BELUM MULA DAN KES DALAM KEMAJUAN AUDIT MEJA
BAGI TEMPOH TAHUN SEBELUM 2017 HINGGA 2019

TAHUN TERIMA KES	USIA KES AUDIT MEJA									
	BIL. KES BELUM MULA					BIL. KES DALAM KEMAJUAN				
	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	>6 Tahun	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	>6 Tahun
2008	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
2009	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1
2010	-	-	-	-	1	-	-	-	-	14
2011	-	-	-	-	3	-	-	-	-	15
2012	-	-	-	-	3	-	-	-	-	18
2013	-	-	-	-	2	-	-	-	-	19
2014	-	-	-	1	1	-	-	-	7	17
2015	-	-	-	37	-	-	-	-	212	-
2016	-	-	-	42	-	-	-	-	347	-

TAHUN TERIMA KES	USIA KES AUDIT MEJA									
	BIL. KES BELUM MULA					BIL. KES DALAM KEMAJUAN				
	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	>6 Tahun	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	>6 Tahun
2017	-	-	-	153	-	-	-	281	403	-
2018	-	-	866	-	-	-	-	4,978	-	-
2019	305	1,739	4,943	-	-	1,015	2,237	39,159	-	-
JUMLAH	305	1,739	5,809	233	11	1,015	2,237	44,418	969	87

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

- vii. Kelewatan penyelesaian kes disebabkan masa yang lama diambil oleh pembayar cukai untuk memberi maklum balas terhadap rayuan yang dikemukakan, pembayar cukai yang tidak memberikan kerjasama semasa pengauditan dijalankan dan kes yang rumit untuk diselesaikan. Selain itu, kes yang melebihi enam tahun sebanyak 98 kes merupakan kes di Cawangan Industri Khas yang melibatkan dokumen pembayar cukai yang berada di luar negara.
- viii. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat melaksanakan verifikasi terhadap sampel KBM dan KDK kerana kekangan pandemik Covid-19.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 30 November 2021

Pada tahun 2018 dan 2019, LHDNM telah menambahbaik kaedah pemilihan kes dengan membuat analisis risiko melalui padanan data Borang C dengan maklumat pihak ketiga. LHDNM juga memberikan fokus kepada pengauditan ke atas pembayar cukai yang gagal mengemukakan Borang C (gagal patuh). Penambahbaikan kaedah pemilihan kes membolehkan lebih banyak kes disalurkan kepada Cawangan untuk tindakan.

Walau bagaimanapun, sambutan yang menggalakkan ke atas PKPS pada tahun 2018 dan 2019 menyebabkan pegawai telah memberikan tumpuan ke atas kes-kes PKPS dan tidak dapat mengambil tindakan ke atas kes-kes yang telah disalurkan oleh JPC. Penumpuan ke atas kes PKPS telah menyebabkan berlakunya lambakan kes di Cawangan bagi kes yang telah disalurkan oleh JPC dan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan (tunggakan). Tidak wujud sebarang isu ketirisan hasil akibat penyelesaian kes luar tempoh. Cawangan telah mengambil tindakan penyelesaian ke atas kes tunggakan tersebut.

Berdasarkan semakan sehingga 25 November 2021 ke atas 62,482 kes tunggakan (kes belum mula dan kes dalam kemajuan), didapati 57,082 (91.36%) telah diselesaikan bagi Audit Luar dan Audit Meja manakala baki kes tunggakan adalah 5,400 (8.6%) bagi Audit Luar dan Audit Meja yang terdiri daripada KDK. Tiada lagi baki bagi KBM.

b. Penyelesaian Kes Melebihi Tempoh yang Ditetapkan

- i. Analisis Audit terhadap data Audit Luar CMS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati 62,405 kes telah selesai diaudit. Daripada jumlah tersebut, 20,545 kes (32.9%) telah diselesaikan **melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu empat bulan hingga 85 bulan**. Kes yang diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan **melibatkan anggaran cukai tambahan dan penalti masing-masing RM2.693 bilion dan RM1.095 bilion**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
TEMPOH PENYELESAIAN KES AUDIT LUAR
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. KES SELESAI DIAUDIT	TEMPOH PENYELESAIAN KES MELEBIHI EMPAT BULAN			JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI	
		BIL KES	%	TEMPOH PENYELESAIAN KES (Bulan)	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	PENALTI (RM Juta)
2017	14,979	10,979	73.3	4 hingga 77	1,413.34	622.76
2018	11,832	7,758	65.6	4 hingga 85	694.66	270.80
2019	35,594	1,808	5.1	4 hingga 65	584.59	201.89
JUMLAH	62,405	20,545	32.9	4 hingga 85	2,692.59	1,095.45

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

- ii. Analisis lanjut terhadap usia penyelesaian kes Audit Luar bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati 62,405 kes telah diaudit. Daripada jumlah tersebut 41,860 kes (67.1%) telah selesai diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat 20,545 kes (32.9%) diselesaikan melebihi tempoh antara empat bulan hingga lebih daripada enam tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
USIA PENYELESAIAN KES AUDIT LUAR
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

PERKARA	TEMPOH PENYELESAIAN KES AUDIT LUAR (TAHUN)												JUMLAH KESELURUHAN
	2017				2018				2019				
	*<1	>1-3	>3-6	>6	* < 1	>1-3	>3-6	>6	*<1	>1-3	>3-6	>6	
(a)	14,979				11,832				35,594				62,405
(b)	10,979				7,758				1,808				20,545
(c)	8,297	2,522	149	11	5,149	2,447	155	7	1,266	510	32	0	
(d)	75.6	23.0	1.3	0.1	66.4	31.5	2.0	0.1	70.0	28.2	1.8	0.0	

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Nota: (a) - Bilangan Kes Selesai Diaudit
(b) - Bilangan Keseluruhan Kes Melebihi Tempoh
(c) - Bilangan Kes Melebihi Tempoh
(d) - % Kes Melebihi Tempoh $[(d) = [(c)/(b)] \times 100]$
* - Lebih 4 bulan hingga 1 Tahun

- iii. Analisis Audit terhadap data Audit Meja CMS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 pula mendapati **111,649 kes (22%) daripada keseluruhan 507,711 kes yang diaudit telah diselesaikan dalam tempoh antara 105 hari hingga 3,804 hari**. Penyelesaian kes selepas tempoh yang ditetapkan ini telah melibatkan **cukai tambahan dan penalti masing-masing RM3.232 bilion dan RM1.343 bilion**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
TEMPOH PENYELESAIAN KES AUDIT MEJA
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. KES TELAH DIAUDIT	TEMPOH PENYELESAIAN KES MELEBIHI 104 HARI			JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI	
		BIL KES	%	TEMPOH PENYELESAIAN KES (Hari)	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	PENALTI (RM Juta)
2017	160,909	32,245	20.0	105 hingga 3,432	160.04	37.89
2018	156,614	33,395	21.3	105 hingga 3,653	160.81	37.16
2019	190,188	46,009	24.2	105 hingga 3,804	2,911.61	1,267.93
JUMLAH	507,711	111,649	22.0	105 hingga 3,804	3,232.46	1,342.98

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

- iv. Analisis lanjut terhadap usia penyelesaian kes Audit Meja bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati 507,711 kes telah diaudit. Daripada jumlah tersebut 396,062 kes (78%) telah selesai diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat 111,649 kes (22%) diselesaikan melebihi tempoh antara 105 hari hingga lebih daripada enam tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
USIA PENYELESAIAN KES AUDIT MEJA
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

PERKARA	TEMPOH PENYELESAIAN KES AUDIT MEJA (Tahun)												JUMLAH KESELURUHAN
	2017				2018				2019				
	*<1	>1-3	>3-6	>6	*< 1	>1-3	>3-6	> 6	*< 1	>1-3	>3-6	>6	
(a)	160,909				156,614				190,188				507,711
(b)	32,245				33,395				46,009				111,649
(c)	18,762	8,760	3,333	1,390	18,645	12,143	2,142	465	40,045	4,788	1,013	163	
(d)	58.2	27.2	10.3	4.3	55.8	36.4	6.4	1.4	87.0	10.4	2.2	0.4	22

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Nota:

- (a) - Bil. Kes Selesai Diaudit
- (b) - Bil. Keseluruhan Kes Melebihi Tempoh
- (c) - Bil Kes Melebihi Tempoh
- (d) - % Kes Melebihi Tempoh [(d)=[(c)/(b)] x 100]
- * - Lebih 105 hari hingga 1 Tahun

- v. Penyelesaian kes melebihi tempoh yang ditetapkan bagi Audit Luar dan Audit Meja disebabkan perkara-perkara yang diberi pengecualian seperti yang dinyatakan di dalam MPKAL dan MPKAM. Antara perkara yang diberi pengecualian ialah bantahan daripada pembayar cukai/isu teknikal, kes tidak mendapat maklum balas pihak ketiga, pertukaran ejen cukai, kes rumit/besar/mempunyai dokumen yang banyak, pembayar cukai tidak memberikan kerjasama, bencana alam dan penumpuan kepada kes lain seperti PKPS.
- vi. Selain itu, LHDNM juga menghadapi kekangan untuk mendapatkan maklumat pembayar cukai bagi permohonan maklumat kali kedua dari pihak ketiga yang sama untuk menyelesaikan kes audit cukai syarikat. Pihak ketiga yang terlibat adalah seperti agensi Kerajaan, Badan Berkanun, *Government Link Company*, Pihak Berkuasa Tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan agensi swasta. Maklumat yang dikehendaki oleh LHDNM antaranya berkaitan pendaftaran perniagaan, maklumat kewangan serta status kewangan pembayar cukai. Selain itu, pengenaan caj bagi mendapatkan maklumat tersebut telah membebankan LHDNM kerana tiada peruntukan khas diberikan kepada LHDNM bagi menampung caj tersebut.
- vii. Seksyen 81 ACP 1967 memberi kuasa kepada LHDNM untuk mendapatkan sebarang maklumat atau butir-butir daripada pembayar cukai atau pihak-pihak yang berkenaan sama ada secara lisan atau melalui notis. Kegagalan bagi pematuhan kepada notis tersebut adalah tertakluk kepada kesalahan di bawah seksyen 120 ACP 1967. Walau bagaimanapun, pemakaian peruntukan ini adalah dikecualikan ke atas pegawai awam atau pegawai dalam penggajian sesuatu pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa yang tertakluk kepada obligasi statutori untuk mematuhi kerahsiaan.
- viii. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, sebanyak 50,856 permohonan untuk mendapatkan maklumat daripada pihak ketiga telah dikeluarkan oleh LHDNM. Daripada jumlah tersebut, 26 permohonan kepada agensi Kerajaan manakala 50,830 permohonan kepada agensi swasta/Pihak Berkuasa Tempatan. Sehubungan dengan itu, pihak LHDNM boleh menguatkuasakan undang-undang terhadap pihak ketiga selain daripada pihak ketiga yang diberi pengecualian di bawah Seksyen 81 ACP 1967. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT DARIPADA PIHAK KETIGA
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	
	KERAJAAN	SWASTA/PIHAK BERKUASA TEMPATAN
2017	5	12,050
2018	9	13,365
2019	12	25,415
JUMLAH	26	50,830

Sumber: JPC, LHDNM

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 23 Mac 2021

Isu penyelesaian kes melebihi tempoh yang ditetapkan bukan merupakan satu ketirisan hasil kepada negara. Sebaliknya, perkara ini merupakan satu kelewatan dalam membuat semakan sekiranya pembayar cukai melakukan kesalahan yang boleh menyebabkan taksiran tambahan dibangkitkan dan kelewatan aktiviti memungut hasil. Pihak JPC akan mengambil tindakan yang lebih *rigorous* dan *vigorous* bagi memastikan kes audit diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Penambahbaikan sistem akan dilaksanakan melalui inisiatif Transformasi Hasil (TH) di bawah Projek *Hasil Integration Tax System* (HITS) bagi memastikan pengurusan kes dapat dipantau melalui sistem oleh pihak Cawangan dan Ibu Pejabat.

c. Pencapaian Sebenar Kes Selesai dan Kes Tertunggak Audit Cukai Syarikat

Analisis Audit bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati bilangan sebenar kes Audit Luar yang dipilih adalah 68,048 kes. Daripada jumlah tersebut didapati 62,405 kes (91.7%) telah selesai diaudit manakala **5,643 kes (8.3%) masih tertunggak**. Bagi Audit Meja pula 563,790 kes telah dipilih untuk pengauditan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Daripada jumlah tersebut 507,711 kes (90.1%) telah selesai diaudit manakala **56,079 kes (9.9%) masih tertunggak**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PENCAPAIAN SEBENAR KES SELESAI DAN KES TERTUNGGAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	AUDIT LUAR					AUDIT MEJA				
	KES DIPILIH (a)	KES SELESAI (b)	KES TERTUNGGAK (c)	% PENCAPAIAN KES SELESAI [(b)/(a)]x100	% KES TERTUNGGAK [(c)/(a)]x100	KES DIPILIH (a)	KES SELESAI (b)	KES TERTUNGGAK (c)	% KES SELESAI [(b)/(a)]x100	% KES TERTUNGGAK [(c)/(a)]x100
2017	15,041	14,979	62	99.6	0.4	161,746	160,909	837	99.5	0.5
2018	12,839	11,832	1,007	92.2	7.8	162,458	156,614	5,844	96.4	3.6
2019	40,168	35,594	4,574	88.6	11.4	239,586	190,188	49,398	79.4	20.6
JUMLAH	68,048	62,405	5,643	91.7	8.3	563,790	507,711	56,079	90.1	9.9

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

d. Tempoh Kes Tertunggak

- Analisis terhadap tempoh tunggakan bagi kes Audit Luar bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati 5,643 kes Audit Luar masih tertunggak di antara enam bulan hingga enam tahun. Daripada jumlah tersebut 331 kes tertunggak dalam tempoh enam bulan hingga sembilan bulan. Bagi tunggakan kes melebihi sembilan bulan hingga 12 bulan adalah 1,100 kes. Sebanyak 4,186 kes tertunggak dalam tempoh melebihi satu tahun hingga tiga tahun dan 26 kes tertunggak melebihi tiga tahun hingga enam tahun.
- Analisis terhadap tempoh tunggakan bagi kes Audit Meja bagi tempoh 2017 hingga 2019 mendapati 56,079 kes Audit Meja masih tertunggak di antara enam bulan hingga enam tahun. Daripada jumlah tersebut 1,320 kes tertunggak dalam tempoh enam bulan hingga sembilan bulan. Bagi tunggakan kes melebihi sembilan bulan hingga 12 bulan adalah 3,976 kes. Sebanyak 50,227 kes tertunggak dalam tempoh melebihi satu tahun hingga tiga tahun dan 556 kes tertunggak melebihi tiga tahun hingga enam tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
TEMPOH KES TERTUNGGAK AUDIT LUAR DAN AUDIT MEJA
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN TERIMA KES	TEMPOH KES TERTUNGGAK									
	AUDIT LUAR					AUDIT MEJA				
	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	JUMLAH	6-9 Bulan	>9-12 Bulan	>1-3 Tahun	>3-6 Tahun	JUMLAH
2017	-	-	36	26	62	-	-	281	556	837
2018	-	-	1,007	-	1,007	-	-	5,844	-	5,844
2019	331	1,100	3,143	-	4,574	1,320	3,976	44,102	-	49,398
JUMLAH	331	1,100	4,186	26	5,643	1,320	3,976	50,227	556	56,079

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 30 November 2021

Berdasarkan semakan ke atas kes tunggakan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 pada 25 November 2021 didapati daripada 5,643 kes tunggakan bagi Audit Luar yang dianalisis oleh Jabatan Audit Negara, 4,555 kes telah selesai diaudit manakala hanya 1,088 kes masih dalam proses penyelesaian. Bagi Audit Meja, daripada 56,079 kes tunggakan yang dianalisis oleh Jabatan Audit Negara, 51,768 kes telah selesai diaudit manakala hanya 4,311 kes masih dalam proses penyelesaian.

Pendapat Audit | **Penguatkuasaan Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Peraturan LHDNM terhadap pihak ketiga adalah penting bagi membolehkan LHDNM menyelesaikan kes dalam tempoh yang ditetapkan.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Objektif audit cukai syarikat ialah untuk meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah STS. Hasil daripada pelaksanaan audit cukai syarikat iaitu cukai tambahan, penalti dan kes tiada penemuan audit merupakan pengukur kepada objektif yang telah ditetapkan.

a. Peningkatan Hasil Cukai Tambahan dan Penalty

Analisis Audit mendapati sebanyak 570,116 kes telah selesai diaudit bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 dengan cukai tambahan dan penalti masing-masing RM14.139 bilion dan RM2.214 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

JENIS AUDIT	TAHUN	BIL. KES SELESAI DIAUDIT	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	PENALTI (RM Juta)
Audit Luar	2017	14,979	1,826.19	790.16
	2018	11,832	841.59	316.01
	2019	35,594	1,988.08	482.12
JUMLAH		62,405	4,655.86	1,588.29
Audit Meja	2017	160,909	2,191.67	260.99
	2018	156,614	2,063.53	274.12
	2019	190,188	5,228.27	90.72
JUMLAH		507,711	9,483.47	625.83
JUMLAH KESELURUHAN		570,116	14,139.33	2,214.12

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

b. Penurunan Kes Tiada Penemuan Audit

Kes tiada penemuan audit ialah kes hasil semakan pegawai audit LHDNM yang menunjukkan tidak berlakunya apa-apa pelanggaran peraturan percukaian. Analisis Audit mendapati, peratus kes tiada penemuan audit meningkat bagi tahun 2018 (71.8%) berbanding tahun 2017 (68.4%) iaitu peningkatan 3.4%. Bagi tahun 2019 pula, kes tiada penemuan audit turun kepada 51.0% berbanding jumlah kes selesai diaudit pada tahun 2018. Faktor penurunan kes tiada penemuan audit bagi tahun 2019 kerana kes yang diselesaikan melalui PKPS pada tahun tersebut 55,764 kes. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBANDINGAN KES TIADA PENEMUAN AUDIT DENGAN JUMLAH PENYELESAIAN
KES AUDIT CUKAI SYARIKAT BAGI TEMPOR TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	KES SELESAI DIAUDIT			KES TIADA PENEMUAN AUDIT			KES TIADA PENEMUAN AUDIT BERBANDING JUMLAH PENYELESAIAN KES
	AL (a)	AM (b)	JUMLAH (c)=(a)+(b)	AL (d)	AM (e)	JUMLAH (f)=(d)+(e)	(%) (g)=[(f)/(c)]x100
2017	14,979	160,909	175,888	797	119,535	120,332	68.4
2018	11,832	156,614	168,446	1,687	119,271	120,958	71.8
2019	35,594	190,188	225,782	990	114,102	115,092	51.0
JUMLAH	62,405	507,711	570,116	3,474	352,908	356,382	62.5

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Nota: AL – Audit Luar
AM – Audit Meja

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 23 Mac 2021

Tiada penurunan ketara bagi kes Audit Meja yang ditutup tiada penemuan audit untuk tahun 2017 hingga 2019. Pengiktirafan kes tutup tiada penemuan audit ini memberikan indikator yang baik kepada LHDNM di mana peningkatan kes tutup tiada penemuan audit adalah menunjukkan peningkatan kepada kadar pematuhan cukai. Kadar pematuhan cukai yang tinggi menunjukkan bahawa pembayar cukai memahami tanggungjawab kepada percukaian di negara ini.

Pendapat Audit | **Aktiviti audit cukai syarikat berjaya menghasilkan cukai tambahan dan penalti yang boleh dikutip hasil dari pengauditan yang dilaksanakan. Di samping itu, objektif audit cukai syarikat tercapai kerana kes tiada penemuan audit menunjukkan tahap pematuhan oleh pembayar cukai adalah melebihi 50%.**

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pemilihan Kes Audit Cukai Syarikat

a. Kaedah Pemilihan Sampel Kes

- i. Merujuk kepada Manual Prosedur Kerja (MPK) Audit Luar dan Audit Meja yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2015, kes audit hanya boleh dipilih oleh JPC sama ada melalui sistem atau secara manual. Bagaimanapun, jabatan/bahagian/cawangan boleh mencadangkan sampel kes berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat.
- ii. MPK Audit Luar menetapkan kaedah pemilihan kes audit dibuat menggunakan Sistem Penilaian Risiko berdasarkan analisis risiko dan kriteria audit yang telah ditetapkan. Manakala MPK Audit Meja pula menetapkan, kaedah pemilihan sampel kes ialah melalui program *Event Triggered* juga berdasarkan kriteria audit yang telah ditetapkan di dalam STSC, Sistem Penilaian Risiko, konsep pepadanan dan cadangan kaedah tambahan berdasarkan arahan pihak pengurusan.
- iii. Berdasarkan analisis Audit terhadap data CMS, sebanyak 62,405 kes Audit Luar telah selesai diaudit bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Daripada jumlah tersebut, semakan Audit mendapati kaedah pemilihan sampel yang tertinggi ialah daripada kaedah tambahan iaitu 53,132 kes berbanding dengan kaedah Sistem Penilaian Risiko 9,273 kes.
- iv. Jumlah keseluruhan kes Audit Meja yang telah selesai diaudit adalah 507,711 kes. Daripada jumlah tersebut didapati kaedah pemilihan sampel yang tertinggi adalah daripada kaedah tambahan dan STSC iaitu masing-masing 318,423 kes dan 179,008 kes. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KAEDAH PEMILIHAN SAMPEL AUDIT CUKAI SYARIKAT
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

JENIS AUDIT	TAHUN	KAEDAH					JUMLAH
		STSC	SISTEM PENILAIAN RISIKO	CMS	TAMBAHAN	LAIN-LAIN	
Audit Luar	2017	-	5,227	-	9,752	-	14,979
	2018	-	2,677	-	9,155	-	11,832
	2019	-	1,369	-	34,225	-	35,594
JUMLAH		-	9,273	-	53,132	-	62,405
Audit Meja	2017	61,673	15	3,909	95,306	6	160,909
	2018	67,656	18	4,745	84,194	1	156,614
	2019	49,679	25	1,561	138,923	-	190,188
JUMLAH		179,008	58	10,215	318,423	7	507,711

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

- v. Merujuk kepada Jadual 20, didapati pemilihan sampel Audit Luar dan Audit Meja dari kaedah tambahan meningkat dengan ketara pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Menurut maklum balas LHDNM, hal ini berlaku kerana pada tahun 2019, aktiviti audit diperkasakan dengan memberikan tumpuan secara agresif ke atas kes gagal patuh pengemukaan BNCP. Kes ini disalurkan sebagai kaedah tambahan daripada Ibu Pejabat. Selain itu, peningkatan kaedah tambahan adalah disebabkan oleh tambahan kes PKPS, kes pengeluaran Surat Penyelesaian Cukai dan kes rayuan.

b. Proses Penilaian Risiko Pemilihan Sampel Kes

Penilaian risiko untuk pemilihan sampel audit cukai syarikat dibuat berdasarkan maklumat yang diisi di dalam BNCP pembayar cukai jenis syarikat (Borang C) dalam STSC. Borang C akan disalurkan ke Sistem Penilaian Risiko bagi tujuan analisis risiko berdasarkan kriteria audit yang telah ditetapkan. Pemilihan kes akan dibuat berdasarkan senarai risiko yang telah ditetapkan oleh LHDNM.

- Berdasarkan *User Requirement Study Report* bagi Sistem Penilaian Risiko yang dikeluarkan pada 26 Oktober 2005, kriteria utama semakan di dalam *Business Process Models* bagi pemilihan fail jenis syarikat (C) adalah BNCP yang diterima, telah diproses dan taksiran dibangkitkan dengan salah satu taksiran seperti Cukai Kena Bayar, Tidak Kena Cukai dan Cukai Kena Dibayar Balik.
- Berdasarkan analisis Audit terhadap data STSC dan Sistem Penilaian Risiko bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati 1,282,015 Borang C telah diterima oleh LHDNM melalui STSC. Daripada jumlah tersebut **1,195,040 Borang C telah disalurkan ke Sistem Penilaian Risiko manakala 86,975 (6.8%) Borang C tidak disalurkan ke Sistem Penilaian Risiko**. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan justifikasi Borang C yang tidak disalurkan ke Sistem Penilaian Risiko tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
BORANG C YANG TIDAK DISALUR KE SISTEM PENILAIAN RISIKO
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. BORANG C (STSC) (a)	BIL. BORANG C (SISTEM PENILAIAN RISIKO) (b)	PERBEZAAN (c)=(b)-(a)	PERBEZAAN (d)=[(c)/(a)]x100 (%)
2017	418,204	406,586	(11,618)	(2.8)
2018	440,777	399,057	(41,720)	(9.5)
2019	423,034	389,397	(33,637)	(8.0)
JUMLAH	1,282,015	1,195,040	(86,975)	(6.8)

Sumber: Analisis Data CMS LHDNM oleh Jabatan Audit Negara

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 23 Mac 2021

Perbezaan antara jumlah penerimaan borang dan jumlah data yang dimuat naik ke Sistem Penilaian Risiko disebabkan dua faktor iaitu Asas Petikan Data dan data yang dibangkitkan dengan kod taksiran tertentu sahaja. Terdapat dua asas petikan data yang berbeza bagi statistik iaitu tahun kalendar dan tahun taksiran. Statistik penerimaan borang dipetik berasaskan tahun kalendar iaitu bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember tahun berkenaan. Bagi tempoh satu tahun kalendar, LHDNM boleh menerima Borang C yang melibatkan beberapa tahun taksiran. Manakala statistik borang yang dimuat naik ke dalam Sistem Penilaian Risiko adalah berasaskan tahun taksiran semasa bagi tujuan pemilihan kes (hanya data bagi satu tahun taksiran sahaja yang akan dimuat naik).

Selain pemilihan kes melalui kaedah Sistem Penilaian Risiko, syarikat juga akan melalui kaedah pemilihan secara *Event Triggered* di dalam STSC dan padanan data dengan maklumat pihak ketiga.

Pendapat Audit | **Borang C yang tidak disalurkan ke Sistem Penilaian Risiko boleh mengakibatkan kes-kes tidak dipilih untuk diaudit.**

c. Kes Berisiko Tinggi yang Dipilih oleh Sistem Penilaian Risiko Tetapi Tidak Disalurkan ke CMS untuk Diaudit

- i. Merujuk kepada MPK JPC berkuatkuasa 30 Jun 2013, Bahagian Pembangunan Audit, JPC bertanggungjawab mengendalikan pemilihan kes audit dan memuat naik kes-kes audit yang terpilih melalui Sistem Penilaian Risiko ke CMS untuk diagihkan ke Cawangan. Ketua Penolong Pengarah (KPP) berperanan untuk meluluskan atau meminda pemilihan kes yang telah dibuat oleh Penolong Pengarah di dalam Sistem Penilaian Risiko. KPP kemudian memuat naik kes-kes yang telah dipilih ke CMS untuk disalurkan ke Cawangan sebagai kes-kes audit.
- ii. Analisis Audit terhadap data Sistem Penilaian Risiko mendapati sebanyak 5,777 kes berisiko tinggi meliputi 2,387 syarikat. Analisis lanjut terhadap data CMS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 mendapati **1,495 (62.6%) syarikat yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi berdasarkan *ranking* dan *score* yang telah ditetapkan dalam Sistem Penilaian Risiko tidak disalurkan oleh KPP ke CMS untuk diaudit.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
BILANGAN SYARIKAT BERISIKO TINGGI YANG TIDAK DISALURKAN KE CMS
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. SYARIKAT
2017	212
2018	890
2019	393
JUMLAH	1,495

Sumber: Sistem Penilaian Risiko

- iii. Semakan lanjut Audit terhadap peranan KPP bagi penyaluran sampel kes ke CMS mendapati KPP mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memilih atau menolak kes yang telah diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi oleh Sistem Penilaian Risiko. Perkara ini menunjukkan terdapat kelemahan dalam MPK JPC bagi proses penyaluran sampel kes ke CMS.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 23 Mac 2021

Asas utama pemilihan kes melalui Sistem Penilaian Risiko adalah menggunakan parameter yang melibatkan risiko dalam Penyata Untung Rugi. Oleh itu kes yang mempunyai *ranking* dan *score* yang berkaitan sahaja akan dipilih untuk tujuan audit. Berikut adalah analisis berkaitan *ranking* dan *score* bagi 1,495 syarikat berkenaan.

KETERANGAN	BIL. SYARIKAT
<i>Ranking</i> 1 dan <i>Score</i> 1000 berkaitan	69
<i>Ranking</i> 1 dan <i>Score</i> 1000 tidak berkaitan	1,388
Tiada <i>ranking</i> 1 dan <i>Score</i> 1000	38
JUMLAH	1,495

Berdasarkan analisis LHDNM hanya 69 syarikat sahaja yang mempunyai risiko dan tidak disalurkan ke CMS berbanding dengan analisis Audit iaitu 1,495 syarikat. Butiran lanjut berkaitan 69 buah syarikat adalah seperti dalam jadual di bawah.

KETERANGAN	BIL. SYARIKAT
Kes audit telah diselesaikan pada tahun audit atau dalam tempoh dua tahun	4
Kes diambil tindakan Audit Luar (pada tahun berikutnya)	13
Kes diambil tindakan Audit Meja	4
Kes diambil tindakan risikan	1
Syarikat mengalami rugi bersih	38
Syarikat mengalami rugi kasar	9
JUMLAH	69

Selain pemilihan kes melalui kaedah Sistem Penilaian Risiko, syarikat juga akan melalui kaedah pemilihan secara *Event Triggered* dan padanan data dengan maklumat pihak ketiga.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 30 November 2021

Ketua Penolong Pengarah (Pengurus Zon Cawangan di JPC) bertanggungjawab membuat semakan dan meluluskan kes untuk disalurkan ke CMS. Terdapat beberapa faktor lain perlu diambil kira sebelum kes berisiko yang dipilih melalui Sistem Penilaian Risiko disalurkan ke CMS adalah seperti berikut:

- a. pegangan kes oleh aktiviti pematuhan yang lain (tindakan Siasatan/Perisikan);
- b. Status fail pembayar cukai (fail pendua/fail mati);
- c. tempoh tindakan audit terakhir ke atas syarikat berkenaan (cooling period); atau
- d. kedudukan Untung/Rugi syarikat berkenaan.

Semakan faktor lain ini akan dibuat melalui padanan kes yang dipilih melalui Sistem Penilaian Risiko dengan data CMS.

Pendapat Audit | **Peranan KPP terhadap penyaluran kes berisiko tinggi adalah tidak memuaskan. Hal ini adalah kerana tiada peranan yang diwujudkan dalam sistem bagi mana-mana pegawai atasan untuk menyemak dan memperakukan keputusan yang dibuat oleh KPP. Kes berisiko tinggi yang tidak diluluskan oleh KPP mengakibatkan kes tersebut tidak diaudit.**

5.2.2. Sistem Aktiviti Audit Cukai

- a. Pengauditan sistem bagi aktiviti audit cukai syarikat LHDNM telah dilaksanakan terhadap tiga sistem utama LHDNM iaitu STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS. STSC ialah sistem yang akan merekodkan data-data BNCP yang telah diinput masuk oleh pembayar cukai melalui sistem *e-Filing*. Kemudian data tersebut akan diproses dan dimuat naik dalam *Data Warehouse* dan pangkalan data Sistem Penilaian Risiko. Setelah data lengkap tersedia di dalam Sistem Penilaian Risiko, JPC Ibu Pejabat akan menjalankan proses pemilihan sampel melalui analisis risiko yang akan dijana dalam Sistem Penilaian Risiko. Proses pemilihan sampel akan dijana oleh Pegawai Zon (Penolong Pengarah) di Ibu Pejabat LHDNM yang telah diberi akses oleh Jabatan Operasi Cukai. Hasil analisis risiko yang telah ditemui akan disimpan dalam Sistem Penilaian Risiko untuk proses kelulusan oleh KPP di Ibu Pejabat LHDNM yang diberi kuasa.
- b. Senarai kes yang telah diluluskan oleh KPP akan disalurkan ke 40 Cawangan LHDNM melalui sistem CMS. Cawangan LHDNM tersebut bertanggungjawab untuk menjalankan audit ke atas sampel yang diterima dan kertas kerja pengauditan perlu direkodkan dan dimuat naik dalam CMS. Pegawai Audit cukai juga akan merujuk pada sistem *Enterprise Taxpayer Profile* untuk membantu dalam

melaksanakan pengauditan yang lebih terperinci. Sistem ini dapat memberi maklumat kepada pegawai mengenai pendapatan, aset, hartanah, kenderaan dan anuiti setiap pembayar cukai. Setelah proses pengauditan selesai dijalankan, jumlah cukai muktamad yang perlu dibayar akan dikemaskini di lejar pembayar cukai dalam sistem STSC.

5.2.2.1. Kawalan Am

a. Polisi Capaian Logikal: Pengurusan ID Pengguna

- i. Merujuk kepada dokumen Dasar Keselamatan *Information and Communication Technology* (ICT) LHDNM Versi 1.8 menyatakan bahawa pengguna adalah bertanggungjawab ke atas sistem ICT yang digunakan. Bagi mengenal pasti pengguna dan aktiviti yang dilakukan, perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:
 - akaun pengguna yang diperuntukkan oleh LHDNM sahaja boleh digunakan;
 - akaun pengguna mestilah unik dan hendaklah mencerminkan identiti pengguna;
 - akaun pengguna yang diwujudkan hendaklah mengikut peranan yang ditetapkan. Sebarang perubahan tahap capaian perlu mendapat kelulusan daripada Pemilik Sistem ICT dan Pentadbir Sistem Operasi;
 - *Chief Information Officer*, Pengurus ICT, Pemilik Sistem ICT atau Pentadbir Sistem Operasi boleh membeku atau menamatkan akaun pengguna kerana pengguna bercuti, menghadiri kursus melebihi sebulan, bertukar bidang tugas kerja, bertukar ke agensi lain, bersara, ditamatkan atau digantung perkhidmatan; dan
 - setiap aktiviti capaian aset ICT LHDNM hendaklah direkodkan dalam sistem log.
- ii. Semakan Audit mendapati prosedur permohonan ID baharu, kemas kini, penarikan dan pembatalan ID pengguna dalam CMS diuruskan berdasarkan peranan pengguna, unik dan perubahan diluluskan oleh pemilik sistem ICT dan pentadbir sistem operasi. Sistem ID pengguna yang diwujudkan telah mematuhi Dasar Keselamatan ICT LHDNM.
- iii. Analisis Audit terhadap 5.2 juta rekod dalam *Table Case History* di pangkalan data CMS mendapati pendaftaran dan kelulusan kes audit dibuat oleh ID yang berlainan. Maklumat lengkap yang dipaparkan

mengandungi tarikh dan masa tindakan dibuat (update timestamp), ID pengguna, peringkat tindakan dan tindakan yang dilaksanakan.

b. Pengurusan Kata Laluan

- i. Pengurusan kata laluan yang digunakan bagi mencapai maklumat dan data di dalam sistem hendaklah mematuhi amalan terbaik serta prosedur yang telah ditetapkan. Dasar Keselamatan ICT LHDNM Versi 1.8 mengkehendaki panjang kata laluan mestilah sekurang-kurangnya 12 aksara dengan gabungan antara huruf, nombor dan simbol, pertukaran kata laluan hendaklah dikuatkuasakan semasa dikunci masuk kali pertama atau selepas kata laluan ditetapkan semula.
- ii. Semakan Audit mendapati LHDNM telah menetapkan amalan terbaik dan prosedur terhadap pengurusan kata laluan bagi mengakses aset ICT dan sistem LHDNM seperti ditetapkan oleh peraturan dalam Dasar Keselamatan ICT LHDNM Versi 1.8.
- iii. Semakan lanjut Audit terhadap pengurusan kata laluan bagi STSC dan CMS mendapati **terdapat dua ketidakpatuhan dalam penetapan kata laluan yang telah ditetapkan**. Hal ini adalah kerana pihak pentadbir sistem bagi pengurusan ID STSC dan CMS tidak mengemas kini dan menguatkuasakan keperluan kata laluan seperti yang ditetapkan dalam Dasar Keselamatan ICT (DKICT) yang terkini. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KETIDAKPATUHAN DALAM PENETAPAN KATA LALUAN

BIL.	KRITERIA	STSC	CMS
1.	Panjang kata laluan mestilah sekurang-kurangnya 12 aksara dengan gabungan antara huruf, nombor dan simbol	Tiada gabungan simbol dan kurang 12 aksara	Tiada gabungan simbol dan kurang 12 aksara
2.	Kuatkuasakan pertukaran kata laluan semasa dikunci masuk kali pertama atau selepas kata laluan ditetapkan semula	Tidak dikuatkuasakan penukaran kata laluan semasa dikunci masuk kali pertama	Tidak dikuatkuasakan penukaran kata laluan semasa dikunci masuk kali pertama

Sumber: LHDNM

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 29 Januari 2021

STSC/CMS dibangunkan dan dilaksanakan terdahulu sebelum DKICT diterbitkan. Oleh itu, bagi penguatkuasaan dan pemantauan ID pengguna sistem, pengeluaran arahan operasi/pekeliling operasi/memo yang berkaitan dengan pengurusan ID sistem telah dibuat. Sebanyak lapan memo bermula tahun 2007 sehingga tahun 2020 telah dikemas kini bagi tujuan penguatkuasaan dan ID pengguna.

Bidang 07 Kawalan Capaian, Dasar Keselamatan ICT LHDNM Versi 1.9, Arahan Operasi Bilangan 12 Tahun 2020 juga telah dikemas kini. Selain itu,

pengurusan ID Sistem LHDNM akan ditambah baik semasa pelaksanaan Transformasi Hasil yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Perlaksanaan ID tunggal (Single Sign On) berasaskan akaun pengguna *Active Directory* akan diguna pakai bagi capaian kepada semua aplikasi LHDNM apabila projek mula dilaksanakan. Mengguna pakai *Active Directory* sebagai mekanisma ID pengguna, antara polisi kata laluan adalah meliputi 12 aksara serta kombinasi huruf, nombor dan simbol termasuklah penguatkuasaan penukaran kata laluan pada penggunaan kali pertama.

Pendapat Audit | **Aktiviti pemantauan dan pengemaskinian kata laluan adalah kurang efektif menyebabkan kata laluan STSC dan CMS masih kekal dengan kriteria yang ditetapkan sebelum DKICT diterbitkan.**

5.2.2.2. Kawalan Keselamatan Data

a. Pengurusan Pusat Data

- i. Dasar Keselamatan ICT MAMPU versi 5.3 Bidang 0501 Tahun 2010 menyatakan premis dan maklumat perlu dilindungi daripada sebarang bentuk pencerobohan, ancaman, kerosakan serta akses yang tidak dibenarkan. Bidang 0503 menyatakan aset ICT perlu dilindungi dari sebarang bentuk ancaman persekitaran yang disebabkan oleh bencana alam, kesilapan, kecuai atau kemalangan.
- ii. Pemeriksaan Audit di Pusat Data Ibu Pejabat LHDNM Cyberjaya telah dilaksanakan pada 6 November 2019. Semakan Audit mendapati kawalan fizikal dan persekitaran Pusat Data yang meliputi kawalan terhadap urusan keluar masuk Pusat Data, keselamatan persekitaran dan dalam Pusat Data seperti suhu penghawa dingin, CCTV, alat pencegah kebakaran dan sebagainya telah dijaga dengan baik.

b. Pusat Pemulihan Bencana dan Pelan Pemulihan Bencana

- i. Pusat Pemulihan Bencana (DRC) dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) adalah penting bagi memastikan kesinambungan fungsi dan operasi di sesebuah agensi apabila berlaku bencana. Pelan tersebut perlu menyatakan dengan jelas tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan apabila berlaku sesuatu bencana. Selain itu, pelan tersebut perlu memperincikan maklumat yang perlu dipulihkan (restore) dengan segera serta kapasiti fasiliti pemprosesan maklumat selepas berlaku gangguan.

- ii. Semakan Audit pada 28 November 2019 mendapati pihak LHDNM ada menyediakan DRC dan DRP. DRC LHDNM terletak lebih 100 kilometer dari Ibu Pejabat dan pegawai yang bertanggungjawab bagi DRC ini adalah dari Ibu Pejabat.
- iii. Menurut dokumen DRP, ujian simulasi hendaklah dijalankan secara ad-hoc bagi menguji tahap ketersediaan pegawai yang terlibat. Ujian hendaklah dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam DRP. Ujian dijalankan untuk mengesahkan prosedur pemulihan yang diperlukan bagi mengaktifkan sistem di DRC dan mengesahkan *Recovery Time Objective* serta *Recovery Point Objective* seperti yang telah ditetapkan dalam DRP.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati LHDNM telah melaksanakan ujian simulasi Bilangan 2 tahun 2020 terhadap pelan pemulihan bencana pada 12 dan 13 September 2020. Ujian ini telah berjaya dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh LHDNM.

c. Kawalan Sandaran Data (Backup)

- i. Arahan Teknologi Maklumat MAMPU menetapkan sandaran diperlukan untuk mengekalkan integriti dan ketersediaan maklumat serta kemudahan pemprosesan ICT. Sandaran hendaklah dilaksanakan secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Kekerapan sandaran bergantung kepada tahap kritikal maklumat. Agensi juga hendaklah menguji prosedur sandaran/pemulihan dan media sandaran sekurang-kurangnya sekali setahun. Pengujian pemulihan (restore) diperlukan apabila menghadapi bencana serta memastikan integriti dan ketersediaan maklumat untuk proses.
- ii. Semakan Audit mendapati LHDNM mempunyai pelan sandaran yang baik bagi melindungi data, mengekalkan integriti dan ketersediaan maklumat serta kemudahan pemprosesan ICT. Sandaran bagi sistem yang kritikal dan penting seperti STSC dibuat secara *real time* di DRC. Sandaran bagi data Sistem Penilaian Risiko dan CMS dibuat secara mingguan dengan menggunakan *tape*.
- iii. Semakan Audit juga mendapati LHDNM telah menjalankan pengujian terhadap prosedur sandaran/pemulihan dan media sandaran telah dijalankan pada 28 Mei 2020 dan 23 September 2020. Hasil pengujian yang dijalankan mendapati ianya dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

5.2.2.3. Kawalan Pengurusan Rangkaian - Penilaian Tahap Keselamatan

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009 menetapkan setiap agensi perlu menjalankan penilaian tahap keselamatan agensi sekurang-kurangnya sekali setahun. Penilaian tahap keselamatan ICT atau *Security Posture Assessment* (SPA) adalah aktiviti yang dilaksanakan bagi mengesan kelemahan terhadap rangkaian dan sistem ICT seterusnya melaksanakan tindakan pengukuhan agar rangkaian dan sistem ICT berada dalam keadaan tersedia, selamat dan dipercayai.
- b. Semakan Audit terhadap dokumen ujian *Web Application Security Assessment* (WASA) mendapati, penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem tidak dijalankan bagi sistem STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS. Sistem STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS adalah sistem yang menggunakan rangkaian dalaman dan akses hanya boleh dibuat semasa berada di LHDNM sahaja. Penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem tidak dijalankan bagi tiga sistem tersebut. Ujian WASA hanya dijalankan bagi sistem yang terlibat dengan pihak luaran (web based) seperti sistem e-*Filing* oleh pihak vendor iaitu *Ask Pentest* pada 19 April 2019.
- c. LHDNM memaklumkan bahawa STSC ialah aplikasi berasaskan *client-server* yang menggunakan platform *mainframe*. Buat masa ini sistem imbasan keselamatan ICT hanya dilaksanakan bagi aplikasi berasaskan web (web-based application) sahaja dan tiada sistem imbasan terhadap aplikasi berasaskan *client-server*. Aplikasi berasaskan *client-server* di LHDNM menggunakan platform *mainframe* adalah di luar daripada skop imbasan keselamatan SPA. Ketiga-tiga sistem (STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS) berada di dalam rangkaian dalaman LHDNM yang telah dilengkapi dengan ciri keselamatan bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan daripada luar.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 29 Januari 2021

LHDNM juga melaksanakan SPA bagi menilai tahap keselamatan rangkaian LHDNM iaitu *Network and Security Device Assessment* dan *Network Architecture Assessment* yang juga meliputi rangkaian di mana sistem-sistem dalaman ditempatkan termasuklah ketiga-tiga sistem tersebut. Inisiatif Transformasi Hasil (TH) di bawah Projek *Hasil Integration Tax System* (HITS), semua aplikasi di LHDNM akan beralih kepada platform baru dan juga akan dibangunkan secara *web-based*. Imbasan keselamatan akan dilaksanakan kepada semua aplikasi tersebut.

Maklum balas LHDNM yang diterima pada 30 November 2021

Penilaian Tahap Keselamatan bagi Sistem Penilaian Risiko - Ujian WASA bagi Sistem Penilaian Risiko telah mula dijalankan pada 8 Februari 2021 sehingga 25 Ogos 2021. Semakan dan penambahbaikan ke atas penemuan WASA telah dilaksanakan.

Penilaian Tahap Keselamatan bagi CMS - Ujian WASA bagi CMS telah mula dijalankan pada 8 Februari 2021 sehingga 16 Ogos 2021. Semakan dan penambahbaikan ke atas penemuan WASA akan terus dilaksanakan kerana terdapat pindaan *change request* dan *new request* ke atas CMS dari semasa ke semasa.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan aktiviti audit cukai syarikat telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Hal ini kerana KPI Korporat dan KPI Cawangan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan serta mempunyai tunggakan kes kurang dari 10%. Selain itu, hasil dari pengauditan yang dilaksanakan menunjukkan terdapat pertambahan cukai dan penalti berjumlah RM16.353 bilion yang boleh dikutip oleh LHDNM. Di samping itu, objektif audit cukai syarikat juga telah tercapai kerana kes tiada penemuan audit menunjukkan peningkatan tahap pematuan oleh pembayar cukai. Namun demikian, terdapat kelemahan terhadap penyelesaian kes audit cukai syarikat di mana kes diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan serta kes tertunggak di antara enam bulan hingga enam tahun. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku kelewatan mengeluarkan notis taksiran tambahan dan akan mengakibatkan cukai tertunggak kepada Kerajaan. Selain itu, terdapat ketidakpatuhan dalam menetapkan kata laluan seperti yang ditetapkan dalam DKICT yang terkini serta penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem tidak dijalankan bagi tiga sistem iaitu STSC, Sistem Penilaian Risiko dan CMS.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. LHDNM hendaklah mengambil tindakan segera menyelesaikan kes tertunggak yang terdapat di Cawangan serta sentiasa memantau kes yang disalurkan ke Cawangan supaya tidak berlaku tunggakan kes yang berpanjangan;

7.2. LHDNM juga perlu mengkaji Prosedur Kerja/Standard Kualiti Audit serta mewujudkan satu mekanisme untuk mengatasi kes tertunggak supaya setiap kes dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah;

7.3. MoF perlu mengkaji dasar dan peruntukan undang-undang berkaitan perkongsian maklumat pembayar cukai di antara LHDNM dengan pihak ketiga bagi membantu mempercepatkan penyelesaian kes audit cukai syarikat; dan

7.4. LHDNM perlu memastikan aspek kawalan dalaman terhadap pengurusan kata laluan dan kawalan pengurusan rangkaian dilaksanakan kepada semua aplikasi dalam inisiatif TH di bawah Projek HITS seperti yang ditetapkan dalam DKICT.

